



Media Title : Berita Harian
Headline : Cypark dapat projek loji fotovoltan solar
Date : 27 January 2018
Page : 52
Size : 7x16

Cypark dapat projek loji fotovoltan solar

Cypark Resources Bhd (Cypark Resources) memperoleh kontrak bernilai RM260.51 juta daripada Cove Suria Sdn Bhd (CSSB).

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, syarikat itu berkata kontrak pertama membabitkan kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) loji fotovoltan solar berskala besar 30MWa.c di Empangan Kelinchi, Negeri Sembilan.

“Kontrak itu bertempoh 24 bulan daripada tarikh pemberitahuan permulaan kerja-kerja EPCC yang ditetapkan oleh CSSB,” katanya.

Cypark Resources berkata, kontrak kedua pula membabitkan operasi dan penyenggaraan loji fotovoltan solar berkenaan.

Operasi dan penyenggaraan loji itu akan dilaksanakan selama 21 tahun daripada tarikh operasi komersial yang akan disahkan oleh Tenaga Nasional Bhd.

“Kontrak bagi semua kerja itu dijangka menyumbang secara positif kepada perolehan syarikat dan tidak akan menjelaskan modal saham atau pegangan saham oleh pemegang saham utama,” katanya.

BERNAMA



+ **Fakta nombor**

RM260.51 JUTA
nilai kontrak Cypark Resources